

# PERUTUSAN NAIB CANSELOR SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI 1441H / 2020M

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP.

Allahu Akbar! Allahu Akbar! Allahu Akbar! Wallillahil Hamd!

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasih.

Bersempena dengan ketibaan 1 Syawal 1441 Hijrah saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menitipkan sedikit pesanan buat semua warga UniMAP yang dikasihi sekalian.

Alhamdulillah setinggi kesyukuran kita rafa'kan kepada Allah Azzawajalla kerana memberikan peluang dan kesempatan untuk sama-sama kita menyambut Aidilfitri atau hari kemenangan bagi umat Islam dalam suasana norma baharu yang tidak pernah dilalui sebelum ini. Oleh itu, marilah sama-sama kita menyambutnya pada hari ini dengan bertasbih, bertahmid, bertahlil serta bertakbir membesarkan serta memuji dan memuja Allah SWT dan bersyukur atas kemenangan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.

Walau sukar, namun besarlah harapan saya agar perjalanan ibadat yang dilaksanakan sepanjang bulan Ramadan dalam mencari keredhaan Allah SWT telah menjana dan membarakan ketaqwaan dalam diri kita seterusnya menjadikan kita insan yang sentiasa taat dan patuh segala perintah Allah.

Maka tidaklah sulit untuk kita seterusnya mematuhi Standard Operasi Prosedur (SOP) menyambut Aidilfitri yang ditetapkan oleh kerajaan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) ini. Sentiasalah menjaga kebersihan diri, selalu mencuci tangan atau menggunakan pensanitasi tangan serta amalkan penjarakan sosial.

Marilah kita sama-sama menadah tangan memohon doa agar Allah Azza Wajalla mengangkat virus Covid-19 dari muka bumi ini dengan segera dan memberi kesembuhan kepada semua pesakit yang masih di rawat.

Dalam pada itu, marilah bersama-sama mengukuhkan hubungan persaudaraan sesama kita dengan ikhlas kerana ia adalah asas kekuatan dan kejayaan di dalam sebuah organisasi serta menutup segala ruang perpecahan. Bermaafanlah sesama kita tanpa perlu berjabat tangan kerana segala kemaafan itu bukan terletak pada huluran salam sebaliknya hadir dari hati yang ikhlas memaafkan.

Kepada warga kerja UniMAP yang tidak dapat pulang ke kampung halaman, jangan lupa menghubungi ibu ayah serta keluarga di mana jua mereka berada. Secebis ingatan Insya Allah akan menghadirkan kebahagiaan.

Buat anak-anak pelajar yang berada di kampung halaman, nikmatilah masa indah bersama keluarga namun jangan di lupa tugas dan tanggungjawab yang masih berbaki. Bagi anak-anak pelajar yang masih berada di kampus, usahlah bersedih. Insya Allah UniMAP akan terus menjaga kebajikan anda semua.

Akhir kata saya mewakili Pengurusan UniMAP, ingin mengucapkan Selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri 1441H, Minal 'Aaidin wal Faalizin. kepada seluruh warga UniMAP. Semoga kita semua sentiasa dirahmati Allah Azza Wajalla. Semoga seluruh amal yang kita lakukan dengan penuh kejujuran dan keikhlasan dalam memperjuangkan kallimah Allah yang tinggi dan membela agama ini diterima Allah SWT dan disaksikan oleh orang-orang yang beriman.

تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَ مِنْكُمْ (taqobbalalloohu minna wa minkum) yang artinya: semoga Allah menerima (puasa dan amal) dari kami dan (puasa dan amal) dari kalian  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Allahu Akbar! Allahu Akbar! Allahu Akbar! Wallillahil Hamd!

Prof. Ir. Ts. Dr. R Badlishah Ahmad  
Naib Canselor



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
PERLIS



#UniversitiMalaysiaPerlis  
www.unimap.edu.my

ILMU · KEIKHLASAN · KECEMERLANGAN

Kejuruteraan  
& Teknologi  
Untuk Kemanusiaan

